

'Tunjuk isyarat potong leher'

Bekas pegawai UTK buat pengakuan mengejut dakwa Najib arah bunuh

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas pegawai Unit Tindakan Khas (UTK), Azilah Hadri, yang menunggu hukuman gantung, membuat pengakuan mengejutkan apabila mendakwa Datuk Seri Najib Razak mengarahkannya membunuh wanita Mongolia, Altantuya Shaariibuu, pada 2006.

Bekas anggota polis berpangkat Cif Inspektor itu dalam Akuan Bersumpahnya (SD) bertarikh 17 Oktober lalu juga mendakwa Najib yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri (TPM) turut me-

ngarahkannya melupakan mayat wanita itu.

Azilah, 42, yang mengikrarkan kandungan SD itu di Penjara Kajang mendakwa arahan itu diberikan secara lisan ketika bertemu dengan Najib pada 17 Oktober 2006 di Pekan, Pahang.

Beliau turut mendakwa menerima arahan supaya mayat Altantuya perlu dihapuskan kerana mangsa didakwa seorang perisik asing yang boleh mengancam keselamatan negara.

"TPM menyatakan bahawa perkara ini tidak boleh diketahui umum kerana ia membabitkan ancaman kepada keselamatan negara.

"TPM kemudiannya mengarahkan saya untuk jalankan operasi sulit untuk tangkap dan hapuskan perisik tersebut dengan sulit dan musnahkan mayatnya.

"Saya bertanya kepada TPM apa yang dimaksudkan dengan tangkap dan hapuskan perisik asing terbabit dan TPM menjawab, shoot to kill sambil menun-

jukkan isyarat memotong leher. Apabila ditanya berkenaan maksud musnahkan mayat perisik asing terbabit, TPM menjawab, 'lupakan mayat perisik asing hilangkan kesan,'" katanya.

Kandungan SD itu yang disiarkan media semalam belum dipastikan kesahihannya.

Hari ini, Timbalan Pendaftar Mahkamah Persekutuan akan mendengar permohonan semakan semula sabitan dan hukuman mati terhadap Azilah oleh mahkamah itu pada 2015.

Antara lain Azilah memohon supaya diadakan perbicaraan semula di mahkamah terbuka. Azilah memfailkan affidavit dan SD itu untuk menyokong permohonannya.

Dalam SD itu, Azilah juga menyebut peranan penganalisis politik, Dr Abdul Razak Baginda sebagai pegawai khas Najib dan juruiring (Aide De Camp), Deputy Superintendent (DSP) Musa Safri.

Azilah dalam SD itu mendakwa Musa bertanggungjawab memba-

wa beliau bertemu Najib atas alasan tugas sulit membabitkan keselamatan negara dan mendakwa ada kawan kepada TPM diugut perisik asing.

Azilah dalam SD yang memaparkan 60 kenyataan itu turut menceritakan pertemuannya dengan penyiasat persendirian, mendiang P Balasubramaniam serta detik beliau ditahan dan disiasat.

Pada Januari 2015, Mahkamah Persekutuan menolak keputusan Mahkamah Rayuan yang membebaskan Azilah dan bekas anggota polis, Sirul Azhar Umar yang sebelum itu didapati bersalah dalam kes pembunuhan Altantuya.

Panel hakim Mahkamah Persekutuan mendapati Sirul dan Azilah bersalah dan menjatuhkan hukuman gantung atas kesalahan itu.

Bagaimanapun, Sirul tidak hadir ke mahkamah ketika hukuman itu dijatuhkan dan melarikan diri ke Australia sejak 2014.



Saya bertanya kepada TPM apa yang dimaksudkan dengan tangkap dan hapuskan perisik asing terbabit dan TPM menjawab, 'shoot to kill' sambil menunjukkan isyarat memotong leher.

Azilah Hadri,
Bekas pegawai UTK

BH- 17/12/2014 m/d: 2